

Ibu bapa digesa pantau makanan diambil anak



Dr Dzulkefly menyerahkan cenderamata kepada pesakit ketika lawatan ke Hospital Sik, semalam.
(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Sik: Ibu bapa diminta mengenal pasti kandungan khasiat makanan yang hendak diberikan kepada anak, tanpa perlu terikut-ikut dengan aliran semasa.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata sikap mengikut aliran semasa itu boleh menjelaskan kesihatan anak, kerana membudayakan amalan pemakanan yang tidak sihat.

“Seperti kandungan minuman ‘bubble tea’ yang mengandungi kandungan gula tinggi, ia tidak elok diamalkan, begitu juga gula-gula *Ghost Smoke*, jangan beli jika kita tidak pasti apa kandungannya.

“Ibu bapa perlu ambil tahu kandungan khasiat makanan dan bukan terus beli semata-mata ikut aliran, apabila nampak canggih dan menarik saja terus beli.

“Kalau tak jelas kandungan makanan itu, jangan ambil risiko,” katanya selepas melakukan lawatan ke Hospital Sik, di sini, semalam.

Mengenai hasil siasatan kandungan dalam gula-gula *Ghost Smoke*, Dr Dzulkefly berkata, keputusan itu akan diketahui minggu depan selepas Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan selesai melakukan ujian.

Katanya, beliau tidak boleh mengeluarkan kenyataan tanpa fakta sahih seperti hasil ujian makmal.

“Kita belum tahu apa yang menyebabkan gula-gula itu berasap, kita tidak boleh buat tekaan sahaja, mesti ada bukti ujian baru kita akan maklumkan,” katanya.

Isnin lalu, akhbar melaporkan Kementerian Kesihatan sudah memulakan siasatan dan penguatuasaan berhubung penjualan gula-gula *Ghost Smoke* di seluruh negara.

Dr Dzulkefly berkata, kementeriannya sedang menyiasat perkara itu secara menyeluruh, dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

HARI : .. TARikh : .. M/SIRAT : .. AHD : ..
28/7/2019 4